

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HKB 315 - Kajian Perbandingan Karya-Karya Klasik Timur dan Barat

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI **LIMA [5] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **TIGA [3]** soalan sahaja.

1. Para sarjana Kesusasteraan Bandingan berpendapat bahawa apabila melakukan kajian teks suatu perkara yang patut diambil kira ialah bahawa karya-karya agung memperlihatkan perkaitan genetik-pertembungan di antara tradisi Timur dan Barat.

Dengan merujuk khusus kepada perhubungan di antara karya *Robinson Crusoe* dan karya *Hayy Ibn Yaqzan*, bincangkan pendapat ini secara kritis.

2. Kedua-dua karya *Songs of Innocence And Of Experience* oleh William Blake dan *Narrow Road To The Deep North* oleh Matsuo Basho mempunyai keselarian tematik, iaitu pengalaman kerohanian. Huraikan secara bandingan bagaimana tema tersebut ditampilkan di dalam karya masing-masing.
3. Merujuk kepada tradisi drama Sanskrit dan Yunani bincangkan perkara-perkara berikut secara bandingan:
 - (a) konvensi dan sumber teater
 - (b) watak wanita sebagai watak tragis

Buktikan jawapan anda dengan contoh-contoh yang relevan daripada karya *Shakuntala* oleh Kalidasa dan karya *Antigone* oleh Sophocles.

4. Berikan tafsiran atau tafsiran-tafsiran yang wajar terhadap kisah gadis Shulamite yang terkandung dalam karya “Song of Songs/Solomon” dari *The Holy Bible*. Kemudian, jelaskan bagaimanakah anda melihat perhubungan antara kisah ini dengan kisah “aku” dan “kau” di dalam puisi “Padamu Jua” oleh Amir Hamzah.
5. Huraikan perjalanan kerohanian di dalam karya *Javid Namah* oleh Iqbal dan karya *Quarantine* oleh Juan Goytisolo. Bincangkan juga perkaitan yang ketara dan perbezaan yang penting di antara kedua buah karya tersebut.

- oooOOOooo -